

9.0: ANALISIS EKONOMI

9.1: Analisis ekonomi dalam mikroekonomi.

Bidang kajian ilmu ekonomi ada umumnya dibahagikan kepada dua, iaitu *mikroekonomi* dan *makroekonomi*. Mikroekonomi akan menumpukan kepada kegiatan ekonomi bagi individu pengguna dan pengeluar atau sekumpulan pengguna dan pengeluar atau dikenali sebagai pasaran. Dalam hal kelakuan pengguna, tumpuan diberi dalam persoalan bagaimana pengguna memaksimumkan utiliti atau kepuasan apabila diberi citarasa dan tingkat pendapatan. Kelakuan pengguna adalah berhubungkait dengan konsep permintaan dan penawaran. Pengeluar atau firma adalah merujuk kepada penawaran barang dan perkhidmatan dalam ekonomi tersebut. Persoalan yang ditumpukan oleh firma ialah bagaimana mereka dalam mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan dengan kos yang minimum supaya mereka dapat memaksimumkan keuntungannya. Kedua-dua pengguna dan pengeluar ini akan berinteraksi dalam pasaran bagi menentukan harga dan kuantiti bagi sesuatu barangan dan perkhidmatan, dan disamping itu juga akan menentukan harga faktor-faktor seperti buruh, tanah, modal dan keuntungan. Oleh yang demikian, dalam bidang kajian mikroekonomi ini, tumpuan adalah diberi dalam penentuan harga dalam pasaran barangan dan juga pasaran faktor.

9.2: Analisis ekonomi dalam makroekonomi.

Makroekonomi pula akan memberi tumpuan kepada bidang kajian yang berbentuk **ekonomi agregat**. Dua masalah penting dalam makro-ekonomi ini adalah masalah *pengangguran* atau disebut juga sebagai masalah kemelesetan ekonomi dan juga masalah *inflasi*. Kedua-dua masalah pengangguran dan inflasi ini akan mengganggu kehidupan dan seterusnya tingkat kebajikan rakyat di sesebuah negara. Maka dalam perkara ini, peranan kerajaan adalah sangat penting dalam mengatasi kedua-dua masalah ini iaitu melalui Dasar Fiskal (perbelanjaan kerajaan dan cukai) dan Dasar Kewangan (melalui perubahan penawaran wang). Kedua-dua dasar fiskal dan dasar kewangan ini adalah dua dasar yang asas dalam mengatasi masalah ekonomi. Dasar ketiga yang dijalankan oleh kerajaan ialah dasar campur tangan secara langsung ke dalam ekonomi, iaitu seperti dasar kawalan harga, terutamanya ke atas barang-barang perlu seperti beras, gula, tepong dan sebagainya. Di Malaysia terdapat lebih daripada 100 barang-barang, terutamanya barang makanan yang berada di bawah Dasar Kawalan Harga ini dilakukan. Perlaksanaan Dasar Fiskal pula adalah melalui pembentangan belanjawaan di Parlimen pada setiap bulan September atau Oktober. Dasar Kewangan pula akan dijalankan oleh Bank Negara Malaysia – sebagai bank pusat.

Walau bagaimanapun adalah menjadi kesilapan jika kita mengatakan bahawa tidak terdapat hubungan di antara mikroekonomi dan makroekonomi ini. Pada hakikatnya terdapat perkaitan yang rapat di antara dua bidang ini. Sebagai contoh, apabila kerajaan menjalankan dasar fiskal dalam mengawal inflasi, satu dari alat yang digunakan ialah dengan menaikkan cukai. Kenaikan cukai ini akan mengganggu kesejahteraan rakyat di mana pengguna akan terpaksa membayar cukai yang lebih tinggi. Maka secara mikroekonomi ia akan melibatkan perubahan kelakuan pengguna dalam ekonomi. Tetapi jika kita membuat kajian secara agregat ke atas kesan kenaikan cukai ini ke atas ekonomi atau negara. Bidang kajian ini adalah merupakan kajian di bawah bidang makroekonomi.

9.3: Pengkaedahaan analisis dalam ilmu ekonomi.

Pada lazimnya ahli-ahli ekonomi, terutamanya dalam bidang mikroekonomi akan menggunakan jadual, gambar rajah dan persamaan matematik dalam membuat penganalisaan ekonomi. Ketiga-tiga kaedah ini kadang kala terdapat perhubungan yang rapat di antara satu sama lain. Ketiga-tiga kaedah ini boleh menunjukkan sama ada perhubungan di antara dua pembolehubah ini berbentuk positif atau negatif. Perhubungan yang negatif bererti bahawa jika satu pembolehubah itu meningkat, pembolehubah yang satu lagi akan menurun dan sebaliknya. Perhubungan yang positif pula bererti bahawa jika satu pembolehubah itu meningkat, pembolehubah yang satu lagi juga akan meningkat, dan sebaliknya.

9.3.1: Perhubungan negatif:

9.3.1.1: Penggunaan kaedah persamaan matematik:

Kita boleh bermula satu persamaan matematik bagi satu keluk permintaan seperti berikut;

$$Q_d = a - bP \quad (1)$$

di mana Q_d = kuantiti yang diminta

P = harga barang tersebut dan a dan b adalah merupakan parameter.

Persamaan (1) menerangkan perhubungan dua pembolehubah, iaitu kuantiti diminta (Q_d) dengan harga (P). Pembolehubah harga (P) adalah disebut sebagai pembolehubah bebas (independent) dan pembolehubah Q_d adalah pembolehubah tidak bebas (dependent). Ini bererti nilai pembolehubah Q_d adalah bergantung kepada nilai yang diberi ke atas pembolehubah P . Untuk menerangkan lebih lanjut, kita beri nilai bagi kedua-dua parameter a dan b di atas, contohnya $a = 10$, dan $b = 2$. Maka persamaan (1) di atas boleh ditulis seperti berikut;

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

$$Q_d = 10 - 2P \dots\dots\dots (2)$$

Jika P adalah bernilai 1, maka Qd adalah

$$Q_d = 10 - 2(1) = 8$$

Dan sekiranya P = 2, maka Qd adalah

$$Q_d = 10 - 2(2) = 6$$

Ini menunjukkan perhubungan di antara Qd dengan P adalah negatif.

9.1.1.2: Penggunaan kaedah jadual

Daripada persamaan (2) di atas, kita boleh menukarkan persamaan kepada jadual, iaitu dengan memberi nilai P seperti berikut;

Jadual 1.6


P	0	1	2	3	4	5
Qd	10	8	6	4	2	0

Jadual 1.6 diperolehi daripada persamaan (2), iaitu apabila nilai P sama dengan 0, nilai Qd adalah bersamaan dengan 10, iaitu $Q_d = 10 - 2(0) = 10$. Apabila nilai P ialah 1, Qd adalah bersamaan dengan 8, iaitu $Q_d = 10 - 2(1) = 10 - 2 = 8$. Seterusnya apabila P sama dengan 3, nilai Qd adalah bersamaan dengan 4.

Ahli-ahli ekonomi boleh membuat analisis bahawa permintaan ke atas satu barang adalah diberi seperti persamaan (2), di mana seperti yang ditunjukkan oleh jadual 1.6 di atas, iaitu apabila harga 0, jumlah permintaan adalah maksimum (10), dan apabila harga meningkat kepada RM5.00 seunit, kuantiti yang diminta adalah sama dengan 0.

9.1.1.3: Penggunaan kaedah gambar rajah.

Satu lagi kaedah yang boleh digunakan oleh ahli ekonomi dalam membuat analisis ialah dengan menggunakan gambar rajah. Di sini kita boleh melukis dalam bentuk dua dimesi sahaja. Dalam lain perkataan, ia hanya boleh menerangkan perhubungan di antara dua pembolehubah sahaja. Maka dalam contoh di atas, kita boleh melukis satu gambar rajah yang menerangkan perhubungan di antara kuantiti yang diminta (Qd) dengan harga (P) itu sahaja.



Rajah 1.16

Dari persamaan (2) dan Jadual 1.6, kita boleh melukiskan gambar rajah seperti di gambar rajah 1.16. Gambar rajah 1.16 menunjukkan satu keluk yang telah dihasilkan oleh persamaan (2) dan Jadual 1.6, yang mana ia menunjukkan perhubungan yang negatif di antara kuantiti yang diminta (Q_d) dengan harga (P).

Maka dengan melihat gambar rajah ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa;

- keluk permintaan bagi barang ini adalah mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
- nilai yang diberi oleh parameter b , adalah tetap sepanjang keluk permintaan ini dan ia bersamaan dengan 2.

Walau bagaimanapun keluk-keluk yang wujud dalam analisis ekonomi tidak semestinya berbentuk liner atau satu garisan lurus, tetapi ia juga boleh berbentuk satu keluk yang melengkung. Ia bergantung kepada persamaan yang wujud ataupun teori yang menerangkan perhubungan di antara dua angkubah atau pembolehubah-pembolehubah tersebut.

9.2: Perhubungan positif.

9.2.1: Penggunaan kaedah persamaan matematik

Seperti yang telah diterangkan di atas, dua pembolehubah itu dianggap mempunyai perhubungan yang positif jika satu pembolehubah itu meningkat,

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

satu lagi pembolehubah akan juga meningkat, dan sebaliknya. Sebagai contoh kita ambil satu persamaan penawaran satu barang seperti berikut;

EKONOMI
(Bahagian Mikroekonomi)
Edisi Ke-4
Oleh
Hamzaid Bin Yahya

$$Q_s = e + s(P) \dots\dots\dots (3)$$

di mana Q_s = kuantiti yang ditawarkan
 P = harga barang tersebut, dan e dan s adalah parameter.

Seperti di persamaan (1) di atas, persamaan (3) menerangkan perhubungan di antara dua pembolehubah Q_s dan P . Bentuk perhubungan ini adalah bergantung kepada nilai e dan s . Sebagai contoh diberi nilai $e = -10$ dan $s = 5$, maka persamaan (3) di atas boleh ditulis seperti berikut;

$$Q_s = -10 + 5P \dots\dots\dots (4)$$

9.2.2: Penggunaan kaedah jadual

Daripada persamaan (4) ini, kita boleh membentuk jadual, seperti di Jadual 1.7.


Jadual 1.7

P	0	1	2	3	4	5
Qs	-10	-5	0	5	10	15

Jadual 1.7 menunjukkan bahawa firma ini akan hanya menawarkan barang ini apabila harga barang tersebut berada lebih tinggi daripada tingkat RM2.00 seunit. Pada harga RM3.00 seunit, kuantiti yang ditawarkan oleh firma ini ialah sebanyak 5 unit, dan pada harga RM4.00 seunit, kuantiti yang ditawarkan ialah sebanyak 10 unit dan seterusnya pada harga RM5.00 seunit, kuantiti yang ditawarkan ialah sebanyak 15 unit. Ini menunjukkan bahawa perhubungan diantara harga barang tersebut dengan kuantiti yang ditawarkan adalah secara positif, yang bererti apabila harga meningkat, kuantiti yang ditawarkan juga akan meningkat.

9.2.3: Penggunaan kaedah gambar rajah.

Perhubungan di antara harga dan kuantiti yang ditawarkan, seperti di Jadual 1.7 ini akan lebih jelas jika kita persembahkan dalam bentuk gambar rajah, iaitu di gambar rajah 1.17.



Seperti di gambar rajah 1.17, kita dapat melihat bahawa keluk penawaran akan bersilang dengan paksi harga pada tingkat harga RM2.00. Ini bererti bahawa pada harga RM2.00, jumlah kuantiti yang ditawarkan oleh firma ini adalah sama dengan kosong. Pada harga RM3.00, kuantiti yang ditawarkan ialah sama dengan 5 unit, dan seterusnya pada harga RM4.00 dan RM5.00, kuantiti yang ditawarkan masing-masing sebanyak 10 dan 15 unit.

Kesimpulan yang boleh diambil oleh ahli-ahli ekonomi daripada gambar rajah ini ialah;

- a. Firma ini akan hanya menawarkan barang ini jika harga lebih daripada RM2.00 seunit.
- b. Pada setiap kenaikan harga sebanyak RM1.00, firma ini akan meningkatkan kuantiti yang ditawarkan sebanyak 5 unit.


9.3: KECERUNAN KELUK ATAU GARISAN

Kecerunan satu garisan boleh diperolehi dengan membahagikan perubahan di atas paksi menegak dengan perubahan di atas paksi mendatar, seperti di gambar rajah 1.18. Perubahan dalam paksi menegak sebagai perubahan V dan perubahan dalam paksi mendatar sebagai perubahan H. Maka kecerunan garisan itu diperolehi dengan membahagikan perubahan V dengan perubahan H.

(Bahagian Mikroekonomi)
Edisi Ke-4

$\frac{\Delta V}{\Delta H}$ (1)
Oleh
Hamzaid Bin Yahya


Bagi garisan yang menerun ke atas dari kiri ke kanan, nilai kecerunannya adalah positif. Bagi garisan yang menerun ke bawah dari kiri ke kanan, nilai kecerunannya adalah negatif. Kecerunan bagi satu garisan lurus, sama ada ia menerun ke atas ataupun ke bawah, nilai kecerunannya adalah malar di sepanjang garisan tersebut.



Kecerunan bagi satu keluk yang tidak linear adalah berubah-ubah bagi setiap titik di atas keluk tersebut. Sebagai contoh keluk di gambar rajah 1.19, kecerunan di titik A adalah bersamaan dengan kita melukis satu garisan lurus dan bersentuk dengan titik A, dan kemudian kita gunakan formula (1) di atas bagi mendapatkan kecerunan titik tersebut. Bagi mendapatkan kecerunan di titik B,

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

kita ulangi keadah yang sama, dan gunakan formula (1) bagi mendapatkan kecerunan di titik B tersebut. Kita akan dapati bahawa kedua-dua nilai kecerunan di titik A dan B adalah berbeza. B adalah lebih tinggi nilainya berbanding dengan A



EKONOMI (Bahagian Mikroekonomi) Edisi Ke-4

Oleh Dr. Hamzaid Bin Yahya

www.drhamzaid.com